

17 NOV 1998

Gore-rangkuman/I

GORE TIMBULKAN KEMARAHAAN RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia secara umumnya begitu marah dengan ucapan berunsur hasutan Al Gore dan menganggap naib presiden Amerika Syarikat itu bongkak, tidak bertanggungjawab dan biadab.

Mereka berkata ucapan Gore itu menguatkan lagi apa yang dibimbangi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kecenderungan segelintir rakyat Malaysia membangkitkan masalah dalaman kepada pihak luar dan mengundang mereka mencampuri urusan negara ini, akan menyebabkan Malaysia hilang kebebasannya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Malaysia menganggap kenyataan provokatif yang dibuat oleh Gore itu sebagai sama sekali tidak wajar dan akan mempertanggungjawabkan Washington sekiranya keharmonian di negara ini terjejas.

Beliau berkata Malaysia menganggap ucapan Gore dan kenyataan yang dibuat oleh White House selepas itu sebagai campur tangan dalam urusan dalaman negara ini dan mencabuli piagam hubungan antara negara-negara berdaulat.

"Kenyataan itu diasaskan dengan sengaja daripada persepsi berat sebelah mengenai perkembangan dalam negara ini," kata beliau sambil membaca kenyataan empat perenggan sebagai tindak balas kepada ucapan Gore pada satu jamuan malam tadi sempena persidangan APEC yang menyatakan sokongan kepada pergerakan "reformasi" anti-kerajaan.

Gore yang menganggap mereka yang terlibat dalam pergerakan itu sebagai rakyat Malaysia yang berani, telah dikecam hebat dari dalam dan luar negara ini, dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang pertama memberi reaksi apabila beliau menyifatkan kenyataan Gore itu sebagai jelek.

"Tindakan Amerika itu secara terang bukanlah untuk meneruskan pendokongan demokrasi dan peraturan undang-undang tetapi untuk kepentingan agenda politiknya yang sempit," kata Abdullah.

Beliau berkata apa yang dilaung-laungkan oleh Amerika mengenai prinsip demokrasi adalah kosong semata-mata.

"Malaysia mahu mengingatkan Amerika bahawa sistem kerajaan di sini wujud daripada pengalaman sejarah Malaysia dan dilahirkan melalui cara perlembagaan dan demokratik.

"Rakyat Malaysia sangat-sangat pentingkan harmoni dan kestabilan yang mereka secara susah payah bina bertahun-tahun di negara pelbagai kaum ini," kata Abdullah.

Rakyat Malaysia akan mempertanggungjawabkan Amerika sekiranya keharmonian ini terjejas disebabkan oleh hasutan tidak bertanggungjawab itu, katanya.

Pemuda Umno turut membidas Gore dan meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak mengendahkan kata-kata naib presiden Amerika Syarikat itu.

"Biarkan rakyat Malaysia sahaja berdepan dengannya," kata pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya ekoran kenyataan Gore itu, Pemuda Umno menerima banyak panggilan telefon daripada rakyat Malaysia termasuk penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kesal dengan tindak tanduk pemimpin Amerika itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco Pemuda Umno di ibu pejabat Umno Selangor di sini, Hishammuddin berkata Gore dan pemimpin-pemimpin Amerika lain yang datang ke sini sebagai tetamu tidak

faham atau tidak pedulikan apa yang sebenarnya berlaku di negara ini.

"Secara terang-terang mereka mencampuri urusan dalaman kita," katanya.

Hisahmmuddin berkata menerusi ucapan dan tindak-tanduk mereka sewaktu berada di sini untuk beberapa hari lepas, pemimpin-pemimpin Amerika itu telah mencetuskan keadaan tidak stabil tanpa mempedulikan pihak-pihak yang terpaksa menanggung beban daripada perbuatan tidak bertanggungjawab mereka itu.

"Awak cetuskan keadaan tidak stabil dan esok awak naik semula Air Force One (pesawat rasmi) dan pulang ke Washington, mungkin dengan rasa puas hati. Tetapi awak tinggalkan orang yang benar-benar terpaksa menanggung kesan daripada tindakan awak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Hishammuddin menyifatkan pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat sebagai hipkorit kerana menggalakkan rusuhan dan demonstrasi sedangkan mereka jugalah yang bercakap mengenai demokrasi dan undang-undang.

"Tindakan mereka bermakna hanya satu iaitu menghasut agar rusuhan seperti di Indonesia berlaku di sini," katanya.

Pemuda Umno akan mengemukakan nota bantahan kepada Kedutaan Amerika nerhubung isu itu.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Gore tidak sepatutnya membuat ucapan yang bertentangan dengan batas diplomasi dan tatasusila hubungan antarabangsa.

"Jelas ini menunjukkan dia campur tangan dengan masalah tempatan negara kita," katanya kepada pemberita di Kompleks Bunga Raya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Beliau berkata sebagai seorang anggota perwakilan yang datang ke Malaysia untuk menghadiri sidang forum pelbagai hala yang berkisar mengenai ekonomi, Gore telah mengambil kesempatan untuk mengkritik kerajaan dan menyokong satu pergerakan yang tidak mengikut proses dan lunas undang-undang negara ini.

Najib berkata beliau bangga yang Malaysia masih menunjukkan sikap tuan rumah yang baik walaupun naib presiden Amerika itu menunjukkan sikap yang keterlaluan.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata kenyataan Gore tidak lain menggambarkan keangkuhan Amerika sebagai sebuah negara yang suka mencampuri urusan dalaman negara lain.

Beliau berkata tindakan itu juga menggambarkan sebuah negara yang tidak berdisiplin daripada segi perhubungan di peringkat antarabangsa.

"Saya pelik perkara seperti ini boleh berlaku kerana sebelum ini belum pernah berlaku seorang pemimpin datang ke Malaysia sebagai tetamu dan campur tangan urusan dalaman negara tuan rumah," katanya ketika di temui di lobi Parlimen di sini hari ini.

Katanya Tindakan campur tangan seperti ini memang tidak boleh diterima.

"Perkara seperti ini tak pernah berlaku dan tak sepatutnya berlaku," katanya.

Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu mahu Gore menarik balik kenyataannya itu kerana ia campur tangan terang-terangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

Samy Vellu berkata kenyataan Gore menunjukkan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan mendalam mengenai keadaan politik sebenar di Malaysia.

"Adalah malang bahawa seorang yang memegang jawatan kedua tertinggi di Amerika dan ahli politik yang berpengalaman telah menjadi mangsa pandangan yang salah," katanya.

Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik berkata Gore adalah seorang yang memalukan Amerika.

"Kenyataannya membayangkan seolah-olah dia tidak pernah diajar mengenai kesopanan oleh ibubapanya, gerejanya dan sekolahnya," kata beliau.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata ucapan Gore itu menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin Amerika angkuh sejajar dengan anggapan kononnya merekalah yang "boleh mengadili dunia".

"Kita tidak marahkan rakyat Amerika tetapi para pemimpinnya begitu tidak bertanggungjawab, tidak beretika dan bongkak," katanya.

Pemuda MCA turut mengutuk sekeras-kerasnya ucapan Gore itu yang ternyata menggambarkan keangkuhan Amerika dan sikap pemimpin negara itu yang suka mencampuri urusan dalaman negara luar.

Ketuanya Datuk Chan Kong Choy berkata dengan membuat ucapan sedemikian, pemimpin Amerika itu seolah-olah tidak tahu menghormati diri sendiri apatah lagi negara yang dilawatinya.

"Rakyat Malaysia menghargai keamanan dan saya sendiri tidak percaya sebagai seorang tokoh pemimpin penting dari sebuah negara berkuasa, beliau sanggup memperakui tindakan keganasan seperti itu," katanya.

Kelab Penyokong Kerajaan menggesa ketua-ketua kerajaan yang menghadiri persidangan Apec di sini supaya berfikir dua kali sebelum membuat tindakan yang boleh mengurangkan rasa hormat rakyat Malaysia kepada mereka.

Ketua Penerangannya Abdul Rahman Sulaiman berkata pemimpin yang hadir perlu menumpukan kepada perbincangan mengenai ekonomi dan bukannya soal-soal lain seperti yang dilakukan oleh naib presiden Amerika Syarikat dan Setiausaha Negaranya.

"Kita ingatkan kedua-dua pemimpin ini bahawa mereka berada di sini sebagai tetamu, oleh itu mereka sepatutnya bersikap seperti seorang tetamu," katanya.

Anggota Parlimen Kepong dari DAP, Dr Tan Seng Giaw berkata Amerika sepatutnya menghormati negara ini dan turut mengingatkan kerajaan supaya lebih berhati-hati dalam menerima apa-apa bantuan daripada Amerika.

Dalam masa yang sama beliau meminta kerajaan supaya lebih telus dalam segala tindakan yang diambil terutama berhubung perbicaraan Anwar supaya tidak ada peluang kepada pihak luar mengkritik dan mencampuri urusan dalaman negara ini.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail berkata beliau sungguh terkejut dengan ucapan yang tidak senonoh dan tidak sopan pemimpin Amerika itu kerana sepatutnya sebagai tetamu beliau tidak sepatutnya membuat kenyataan yang boleh merunsingkan atau tidak menyeronokkan pihak tuan rumah.

"Ucapan beliau sebenarnya tidak kena tempat, ia tidak patut diucapkan dalam majlis makan malam dan tidak sepatutnya menyentuh perkara-perkara lain bersangkutan politik apatah lagi soal dalaman negara lain," katanya.

Seorang Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah menyifatkan Gore sebagai biadab dan tidak peka terhadap hubungan antarabangsa.

Datuk Musa Aman (BN-Sungai Sibuga) berkata tindakan Gore menyokong gerakan reformasi mendedahkan belang sebenar pemimpin negara terbabit yang ingin melihat keadaan di negara ini menjadi kacau-bilau supaya mereka boleh campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

"Negara kita bukan negara jajahan Amerika Syarikat dan mereka tidak berhak mencampuri urusan negara ini," katanya ketika membahaskan usul menyokong dasar kewangan dan kepimpinan negara yang dibentangkan oleh Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok pada hari kedua sidang Dewan di sini.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Syed Husin Ali berkata Gore tidak berhak bercakap mengenai demokrasi dan hak asasi kerana Amerika sendiri menyebabkan kematian dan kesengsaraan di banyak negara membangun.

"Pemimpin dan rakyat boleh menyatakan pendapat mereka mengenai keadaan di negara lain tetapi mereka tidak boleh menganjurkan perubahan termasuk di Malaysia kerana perkara itu hanya boleh ditentukan sendiri oleh rakyat negara berkenaan," katanya.

Presiden FOMCA Prof Hamdan Adnan menyatakan rasa kecewa terhadap

sokongan terbuka Gore kepada gerakan "reformasi" yang dianggapnya tidak wajar sama sekali kerana gerakan itu berunsurkan keganasan.

Beliau juga kecewa naib presiden Amerika dengan lantang mencampuri urusan dalam negara ini secara agresif tanpa memahami keadaan sebenar di Malaysia.

"Sila lihat dulu ketelusan dan kewibawaan mahkamah di Malaysia. Dalam kes Datuk Seri Anwar kita dapat lihat bagaimana peguam bela diberi seluas-luas peluang untuk memberi pembelaan," kata beliau.

Hamdan juga menyeru rakyat Malaysia mengamalkan terus tabiat mengutamakan barangan Malaysia daripada barangan import termasuk daripada Amerika untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

-- BERNAMA